

JABATAN KEHAKIMAN
MAHKAMAH AGUNG
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD
50506 KUALA LUMPUR

Bil. kami: (56)dlm.JK(02)48/1
Tarikh: 25hb.Mac, 1989

Semua Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi,
Semua Hakim Mahkamah Sesyen/
Majistret Semenanjung Malaysia.

Y.A./Dato/Tuan/Puan,

PEKELILING PENDAFTAR (1) TAHUN 1989

PERMOHONAN UNTUK SAMBUNG BICARA
BAGI KES SEPARUH BICARA

Saya adalah diarahkan oleh Y.A.A. Hakim Besar Malaya untuk mengingatkan Y.A./Dato'/Tuan/Puan bahawa seorang Hakim Mahkamah Tinggi/Hakim Mahkamah Sesyen bagi sebuah negeri adalah bertanggungjawab dalam hal-hal pentadbiran mahkamah hanya bagi negeri masing-masing. Mana-mana perkara yang melibatkan pegawai-pegawai kehakiman yang bertukar ke stesyen baru di negeri lain hendaklah dirujuk kepada Hakim Besar Malaya yang bertanggungjawab dalam hal-hal pentadbiran mahkamah bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian peraturan berikut hendaklah dipatuhi bagi semua permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi seorang Hakim Mahkamah Sesyen/Majistret menyambung bicara kes-kes yang telah diseparuh bicarakannya sebelum ia bertukar ke stesyen bahru di Semenanjung Malaysia.

(i) BAGI HAKIM MAHKAMAH SESYEN/MAJISTRET YANG
BERTUKAR KE STESYEN BARU DI NEGERI LAIN:

Permohonan-permohonan yang disokong oleh Hakim Mahkamah Tinggi/Hakim Mahkamah Sesyen berkenaan hendaklah dihantar kepada Ketua Pendaftar untuk mendapat kelulusan Y.A.A. Hakim Besar Malaya. Hakim Mahkamah Tinggi/Hakim Mahkamah Sesyen tidak dibenarkan meluluskan permohonan-permohonan ini kerana pegawai-pegawai yang terlibat telah bertukar ke stesyen yang terletak di luar kawasan bidanguasa Hakim Mahkamah Tinggi/Hakim Mahkamah berkenaan.

Sesyen

(ii) BAGI HAKIM MAHKAMAH SESYEN/MAJISTRET YANG BERTUKAR STESYEN DALAM NEGERI YANG SAMA:

Permohonan yang disokong oleh Haki Mahkamah Sesyen bolihlah diluluskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi yang kanan bagi negeri yang berkenaan. Permohonan ini tidak perl lagi dirujuk kepada Ketua Pendaftar/Haki Besar Malaya. Walaubagaimana pun sekiranya pegawai tersebut telah ditukarkan ke jabatan lain di luar bidangkuasa Jabatan Kehakiman [misalnya, Majistret Stawan bertukar ke jawatan Penolong Pengarah, Biro Bantuan Guaman Ipoh.] persetujuan daripada pihak berkuasa jabatan berkenaan hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum kelulusan dan arahan sambungbicara diberi.

(iii) BAGI HAKIM MAHKAMAH SESYEN/MAJISTRET YANG BERTUKAR STESYEN DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN

Jabatan / Sekiranya Hakim Mahkamah Sesyen/Majistret Kuala Lumpur bertukar ke mana-mana jawatan di ~~Jabatan Kehakiman~~ *Jabatan* Peguam Negara atau Kementerian-Kementerian di Kuala Lumpur, permohonan-permohonan yang disokong oleh Hakim Mahkamah Sesyen I hendaklah terus dihantar kepada Ketua Pendaftar untuk mendapat kelulusan Y.A.A. Hakim Besar Malaya.

2. Arahan-arahan yang terdahulu dari Arahan ini yang bercanggah dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Arahan ini hendaklah dianggap batal.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(DATO' MOHTAR ABDULLAH)
Ketua Pendaftar,
Mahkamah Agung Malaysia,
Jabatan Kehakiman.

s.k. :

Y.A.A. Ketua Hakim Negara
Y.A.A. Hakim Besar Malaya.
Pendaftar Mahkamah Tinggi.